

TINJAUAN REKABENTUK DAN PEMBINAAN
BOT-BOT NELAYAN TEMPATAN

MOHD ZIN BIN SAAD

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1984

TERENGGANU

TINJAUAN REKABENTUK DAN PEMBINAAN
BOT-BOT NELAYAN TEMPATAN

OLEH

MOHD ZIN BIN SAAD

Laporan projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains (Perikanan)

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

OGOS, 1984

1100023612

PENGHARGAAN

TERENGGANU

Diucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pertama projek, Encik Juhari Husin yang bersedia memberi idea serta petunjuk kearah menjayakan projek ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diberikan kepada penyelia kedua Encik Mohd Isa Mansur dan Capt. Mohd Ibrahim Haji Mohamed yang sudi menyemak dan membetulkan deraf projek serta memberikan cadangan yang membina.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada saudara Sabri Yusuf yang telah membawa penulis ketempat-tempat di mana projek ini dijalankan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan diberikan kepada pihak Jabatan Perikanan, Kuala Trengganu yang bersedia membekalkan maklumat untuk tujuan projek ini.

Akhir sekali penulis ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah bekerjasama di dalam memberikan pertolongan terhadap projek yang telah dijalankan.

ABSTRAK

Kajian terhadap rekabentuk dan pembinaan bot-bot nelayan tempatan dijalankan pada kawasan yang terdapat aktiviti pembinaan bot disekitar Kuala Trengganu. Tiga kawasan yang dipilih, Pulau Duyung, Kg. Batin dan Batu Rakit, merupakan kawasan yang bergiat di dalam perusahaan pembinaan bot. Pengukuran bahagian-bahagian tertentu diambil pada saiz bot yang berbeza. Lain-lain kriteria seperti peralatan dan penggunaan bahan juga diambil kira. Kajian terhadap cara pembinaan juga dilakukan secara temubual dengan pembina bot pada kawasan yang dipilih. Masaalah yang dihadapi juga dicatitkan.

Pengukuran yang didapati daripada kajian dibandingkan dengan ukuran piawai dari "Lloyd's Register of Shipping" serta keputusan kajian Hanson (1960).

Daripada perbandingan didapati nilai ukuran bot-bot tempatan adalah rendah, tetapi menggunakan kayu yang berketumpatan tinggi. Kayu Cengal dengan ketumpatan 945 kg/m^3 digunakan pada hampir keseluruhan bot.

Saranan juga diberikan terhadap penggunaan bahan-bahan didalam pembinaan, sistem yang terlibat semasa pembinaan serta bentuk-bentuk kepakaran yang diperlukan pada pembinaan bot.

Bagi bot yang beroperasi, hubungan beberapa parameter tertentu adalah secara linear.

ABSTRACT

Studies on the design and construction of local fishing boats were carried out around Kuala Trengganu where there were boat construction activities. The three places selected were Pualau Duyung, Kg. Batin and Batu Rakit which represent areas where most activities are being carried out.

Measurements of certain parts were taken from boats of varying sized. Other criteria such as equipments and materials used were also taken into account. Survey on the methods of construction was also carried out by interviewing the boat builders in the above places. Problems faced by them were also recorded.

The measurements obtained were compared with the standard measurements of 'Lloyd's Register of Shipping' and the study results of Hanson (1960).

It was found that the dimensions of the local boats were comparatively low, but the construction materials used were of higher densities. Cengal wood, which has a density of 945 kg/m^3 , was used in the construction of most parts of the boat.

Suggestions are given regarding the materials used, the systems involved, as well as skills required for boat building.

For those boats that are operating, the relationship between a number of certain parameters are linear.